

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [ KOTA BHARU ]**

**TARIKH : 14 MAC 2016**

**SOALAN :**

**YB Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ] minta PERDANA MENTERI menyatakan perkembangan terkini projek naik taraf Parlimen Malaysia yang bernilai RM 520 Juta yang sudah lewat daripada jadual ia sepatutnya siap.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sepertimana yang telah diperjelaskan sebelum ini, pelaksanaan Projek Naik Taraf dan Baik Pulih Bangunan Parlimen Malaysia dilaksanakan secara berfasa seperti seperti berikut;

- i.) Fasa 1A : Naiktaraf dan Ubahsuai Dewan Serbaguna sedia ada kepada Dewan Rakyat / Dewan Negara Sementara.
- ii.) Fasa 2A : Kerja-kerja Baikpulih Panel Fasad dan Bumbung *Pinnacle* Blok Utama dan Blok Menara.
- iii.) Fasa 2B : Kerja-Kerja Naiktaraf dan Blok Utama serta kerja-kerja berkaitan.
- iv.) Fasa 2C : Kerja-Kerja Naiktaraf dan Baikpulih Blok Menara.
- v.) Fasa 3A : Pembinaan Blok Sokongan Mekanikal dan Elektrik, Pejabat Lanskap & *Service Tunnel* dan Kerja-kerja Infra.
- vi.) Fasa 3B : Pembinaan Blok Baru Ahli Parlimen dan Pentadbiran termasuk tempat letak kereta, Dewan Serbaguna, Pagar Sempadan Baru dan Kerja-Kerja berkaitan.